

18/09/2003

Filem Malaysia belum jelmakan identiti negara

Akmal Abdullah

WARGA seni boleh bergembira atas kesungguhan kerajaan yang terus memberi perhatian terhadap aspek kesenian dan kebudayaan seperti pengumuman Perdana Menteri dalam Bajet 2004. Kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, peruntukan RM80.3 juta untuk meningkatkan lagi kecemerlangan dan pendidikan seni, khusus untuk kegiatan dan latihan seni serta budaya.

Jumlah ini jika dibandingkan sektor lain terutama sukan, pelancongan, pendidikan dan pertanian, nyata tidak begitu besar, tetapi ia amat bermakna jika dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Akal dan jiwa kreatif mampu mewujudkan pelbagai kegiatan dan latihan menggunakan peruntukan itu.

Pendidikan dalam kesenian dan kebudayaan sudah lama dibuat tetapi belum mampu menghasilkan produk seni yang cemerlang. Banyak pementasan teater dan seni dianjurkan, namun belum mencapai kejayaan membanggakan kerana pelbagai kemelut bermula dengan kerenah birokrasi, sikap karyawan, mentaliti masyarakat hingga tiadanya rasa cinta terhadap seni dalam jiwa bangsa Malaysia. Masih ramai beranggapan budaya sekadar bahan untuk bersantai dan mengisi masa lapang.

Sebenarnya sudah ada kegiatan seni yang mampu membuka perhatian ramai pihak termasuk pada peringkat antarabangsa. Kita mempunyai ilmu, bakat, kreativiti dan kesungguhan, cuma tidak diurus dan dijana dengan berkesan. Kita anggap budaya harus nampak meriah dan mewah, bukan sebagai entiti pembinaan sahsiah bangsa dan negara.

Apabila menyebut soal seni budaya, kita tidak boleh lari daripada arena perfileman kerana filem menjadi tunjang imej negara. Filem dilihat lebih dominan dan berkesan membawa imej negara ke peta dunia. Filem Hollywood membawa imej Amerika dan filem Hong Kong mencerminkan imej China.

Malangnya, filem Malaysia yang sudah lama berpegang pada slogan 'Filem Kita Wajah Kita' masih tiada hala tuju untuk didedahkan kepada dunia luar. Negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina juga belum dapat menerima filem Malaysia.

Filem box-office Malaysia tidak diterima langsung oleh orang luar? Kenapa? Sebenarnya industri filem kita masih berdepan dengan kemelut dan konflik yang tidak berkesudahan. Semua ini berpunca daripada sikap, mentaliti dan budaya ilmu yang tidak meluas dalam industri filem, termasuk konflik antara nilai, mutu dan sambutan rakyat di negara sendiri.

Rasanya, pendidikan seni dan budaya di Malaysia sudah cukup, malah kita sudah ada ramai tenaga kerja dan karyawan filem yang mempunyai ilmu tinggi. Malangnya, mereka tidak berpeluang melaksanakan ilmu itu. Kenyataannya, apa yang dipelajari tidak sama dengan keadaan industri filem yang suram, glamor dan kemeriahan yang kosong. Maka industri filem kita melahirkan filem untuk hiburan kosong dan merapu. Filem kita dibuat sekadar untuk penonton ketawa atau terhibur, bukan menjadikan filem agenda seni budaya yang mencerminkan jati diri dan pemikiran anak watan.

Dr Mahathir dalam pembentangan Bajet 2004 menegaskan, "Seni dan budaya menggambarkan identiti sebuah masyarakat. Dalam hubungan ini, hasil seni tempatan harus dipupuk untuk terus mekar dan segar bagi menarik minat pencinta seni. Kekurangan hasil karya seni dan budaya tempatan yang tidak bermutu telah mengakibatkan pengusaha seni membawa masuk persembahan dari luar negara."

Kenyataan Perdana Menteri itu juga berkait dengan industri perfileman di Malaysia. Apabila menyentuh soal industri filem, kita perlu lihat apa saja bahan berkaitan perfileman seperti filem untuk pawagam, VCD, DVD serta bahan siaran televisyen. Kita ada banyak siaran TV, tetapi kebanyakan programnya diimport. Kita dedahkan begitu banyak seni dan budaya asing untuk dinikmati anak bangsa kita.

Berbalik pada Bajet 2004, selain peruntukan RM80.3 juta, kerajaan juga

menyediakan peluang baru kepada pengusaha filem dengan kemudahan membuat pinjaman dan modal teroka daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dengan harapan dapat menggantikan filem dan bahan siaran import yang bersepah dengan pengisian tempatan.

Merujuk RM80.3 juta untuk seni budaya, elok juga wang itu diagihkan untuk tujuan perfileman. Kementerian Kesenian Kebudayaan dan Pelancongan (KKKP) yang mungkin mengendalikan peruntukan itu, harus juga menyalurkannya untuk kepentingan seni filem sebab filem. KKKP perlu biayai sekurang-kurangnya tiga filem cereka daripada peruntukan yang diterima ini. Mungkin sudah tiba masanya hal ehwal perfileman di Malaysia diletakkan di bawah KKKP.

Alang-alang hendak berbelanja, biarlah sampai dapat berkat!